

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.8 ()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 2 TAHUN 2026**

Tarikh : 26 Februari 2026 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari

**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ**

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN FEBRUARI 2026

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Februari 2026 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kedua bagi tahun 2026. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi intipati amanat daripada pemimpin Kerajaan, dimulai dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar bersempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Parlimen Ke-15 pada 19 Januari 2026 yang lalu. Baginda dengan tegas menzahirkan bahawa usaha memerangi rasuah hendaklah dilaksanakan tanpa sebarang kompromi di semua jabatan dan agensi kerajaan. Rakyat turut diseru agar menjadi mata dan telinga dengan melaporkan sebarang salah laku kepada pihak berkuasa.

Baginda juga mengingatkan bahawa setiap jawatan yang disandang oleh penjawat awam merupakan amanah rakyat dan negara. Rasuah adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah tersebut dan tidak akan sama sekali ditoleransikan. Usaha membanteras rasuah tidak boleh bersifat kosmetik, sebaliknya perlu disusuli dengan tindakan yang tegas terhadap semua pihak yang terlibat, sama ada pemberi mahu pun penerima rasuah.

Sehubungan dengan itu, Baginda telah mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya menjalankan siasatan secara pantas, telus dan menyeluruh tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Datuk Bandar menyeru seluruh warga kerja MBSJ agar terus memperkukuhkan integriti, meningkatkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan serta memastikan setiap amanah yang dipikul dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkaitan intipati amanat daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dalam Perhimpunan Bulanan dan Program Ihya' Ramadan bersama penjawat awam pada 19 Februari 2026. YAB Perdana Menteri menekankan bahawa integriti dan amanah mesti menjadi teras perkhidmatan awam, di samping mempertingkat kecekapan penyampaian perkhidmatan, memantapkan tadbir urus yang telus serta sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat.

Semangat Ramadan diingatkan sebagai madrasah membentuk disiplin diri, keikhlasan dan tanggungjawab dalam menjalankan amanah. Penjawat awam diseru mempercepat proses kerja, memanfaatkan teknologi, menangani aduan rakyat dengan segera serta terus meningkatkan akhlak, prestasi dan profesionalisme demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara.

- iii) Datuk Bandar juga turut berkongsi ketegasan yang dizahirkan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN), bahawa perkhidmatan awam tidak akan berkompromi terhadap mana-mana penjawat awam yang terlibat dalam salah guna kuasa, rasuah atau pelanggaran tatakelola.

YBhg. KSN menegaskan bahawa tindakan tegas akan diambil mengikut lunas undang-undang tanpa mengira kedudukan atau jawatan, dan kerajaan akan memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa bagi memastikan siasatan dijalankan secara menyeluruh, telus dan adil.

YBhg. KSN turut menekankan bahawa prinsip menolak rasuah dan ketirisan mesti terus dipertahankan demi menjaga imej institusi kerajaan. Nilai integriti hendaklah sentiasa dijunjung selaras dengan Ikrar Rukun Negara dan Ikrar Perkhidmatan Awam, kerana integriti merupakan teras kepada penyampaian perkhidmatan yang berkesan serta pemeliharaan kredibiliti perkhidmatan awam.

Merujuk kepada amanat pemimpin negara, Datuk Bandar menegaskan Majlis Bandaraya Subang Jaya komited memperkukuh integriti, menolak rasuah serta memastikan tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti. MBSJ juga akan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mempercepat penyelesaian aduan rakyat serta memanfaatkan teknologi demi kesejahteraan komuniti.

Datuk Bandar menyeru kepada seluruh warga MBSJ agar terus memelihara kepercayaan masyarakat dengan bekerja penuh amanah, disiplin dan keikhlasan.

- iv) Datuk Bandar berkongsi informasi berkenaan Program Walkabout Bazar Ramadan MBSJ 2026. Pada tahun 2026, MBSJ menyediakan sebanyak 20 lokasi Bazar Ramadan di bawah kawasan pentadbiran MBSJ.

Bagi mengimarahkan bulan Ramadan, pihak pengurusan MBSJ bersama YB ADUN dan Ahli Majlis Kawasan akan berkunjung ke Bazar Ramadan untuk menyantuni para peniaga dan pengunjung Bazar Ramadan. Program 'Walkabout' Bazar Ramadan MBSJ 2026 melibatkan tiga lokasi seperti berikut:

Bil	Lokasi	Cadangan Tarikh
i	Bazar Ramadan BK 5, Bandar Kinrara (Jalan BK 5A/1)	24 Februari 2026 (Selasa)
ii	Bazar Ramadan USJ 4, Subang Jaya (Jalan USJ 4/5)	3 Mac 2026 (Selasa)
iii	Bazar Ramadan Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan (Tapak Penjaja PUJ 3/10)	4 Mac 2026 (Rabu)

Semua Ahli Majlis MBSJ dan Ketua Jabatan dijemput hadir bagi memeriahkan program.

- v) Seterusnya perkongsian berkenaan Program Gerak Prihatin Komuniti Sempena Perayaan Aidilfitri MBSJ 2026. Dalam usaha

meringankan beban golongan yang memerlukan sempena Aidilfitri, Majlis Bandaraya Subang Jaya akan melaksanakan Program Gerak Prihatin Komuniti pada 10 Mac 2026 (Selasa), jam 10.00 pagi, bertempat di Blok F1–F8, Pangsapuri Puchong Permai, melibatkan 10 keluarga terpilih di MPP Zon 14.

Program ini dilaksanakan melalui ziarah rumah ke rumah, di mana setiap penerima akan menerima wang tunai RM200.00 atau barangan keperluan asas. Program turut melibatkan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan badan korporat, antaranya Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, ICU JPM, AEON Big (M) Sdn Bhd, serta PUSPANITA MBSJ, yang menyediakan bakul makanan dan wang tunai bagi membantu keluarga terpilih.

Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban rakyat menjelang Aidilfitri, malah mengukuhkan hubungan MBSJ dengan agensi kerajaan dan rakan korporat, selaras dengan matlamat membina komuniti yang prihatin, inklusif dan sejahtera.

- vi) Seterusnya, perkongsian berkenaan situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-7 tahun 2026, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 512 kes positif denggi, menunjukkan peningkatan sebanyak 3.51% berbanding kumulatif kes pada minggu yang sama pada tahun 2025 iaitu sebanyak 494 kes.

Terdapat lima lokaliti hotspot pada minggu epid ke-7, iaitu USJ 5/1, USJ 14 (Subang Perdana Goodyear Court 7), SS 17/1, USJ 1 (Pangsapuri Meranti, Blok K, J) dan Taman Pinggiran USJ 2.

Kawalan dan pencegahan demam denggi sedang giat dijalankan bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling termasuk Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), semburan larvaciding, serta pengwasapan (fogging) di kawasan yang dilaporkan. Selain itu, pendidikan kesedaran mengenai demam denggi turut dilaksanakan di lokaliti berisiko.

Penduduk disarankan untuk mengambil langkah pencegahan sendiri dengan memusnahkan potensi tempat pembiakan Aedes, termasuk melalui kempen “10 minit seminggu” dan aktiviti gotong-royong, terutamanya menjelang musim perayaan. Sekiranya mengalami simptom demam denggi, penduduk juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera bagi memastikan penularan kes dapat dibendung dengan berkesan.

- viii) Datuk Bandar turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan kepada semua warga MBSJ. Semoga ibadah puasa membawa keberkatan, meningkatkan ketakwaan serta menambah semangat kita untuk terus berkhidmat dengan penuh amanah, ikhlas dan disiplin demi kesejahteraan rakyat dan negara.

4.0 IKRAR PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Setiausaha Mesyuarat membacakan Ikrar Pengisytiharan Kepentingan bagi pihak semua Ahli Mesyuarat dan semua Ahli Mesyuarat bersetuju serta mengambil maklum.

5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2026

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 28 Januari 2026 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2026

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 28 Januari 2026 (Rabu) disahkan dengan beberapa perkara perlu diambil tindakan seperti yang berikut:

6.1 Maklumat laluan bas Smart Selangor

Sebanyak 157 hentian bas dikenal pasti untuk dilengkapi dengan paparan jadual perjalanan sebagai inisiatif penambahbaikan berperingkat.

Maklum balas :

Pemasangan papan tanda jadual perjalanan di 157 hentian bas akan disediakan secara berperingkat dalam tempoh satu bulan.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.2 Isu Anjing Liar di Tapak Pembinaan

Isu anjing liar perlu dipantau pada waktu malam, kerana anjing liar kebiasaannya akan berkeliaran pada sebelah malam. Jabatan perlu membuat pemantauan dan memastikan pemaju/pemilik tapak menyelesaikan isu ini sebelum pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) diluluskan.

Tindakan : Jabatan Bangunan

6.3 Sisa Asrama Pekerja/Pelajar

Puan Lee Jen Uyin mencadangkan untuk menyediakan garis panduan bagi mengklasifikasikan asrama sebagai sebuah perniagaan supaya mereka diwajibkan melantik panel kontraktor pengurusan sisa domestik dan sisa pukal.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar /
Jabatan Undang-Undang**

6.4 Operasi Kawalan Tikus

Mesyuarat bersetuju kekerapan operasi membasmi tikus di kawasan *hotspot* komersial mesti ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya dua kali setahun di setiap Zon MPP.

Tindakan : Jabatan Kesihatan

7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 27 Januari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2026 bertarikh 9 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 11 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil 1/2026 Bertarikh 12 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 13 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 13 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan penambahbaikan seperti berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.3 & M/surat 3	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Laporan dan Aktiviti Pelancongan MBSJ	<p>Beliau meminta Unit Pelancongan untuk membentangkan perancangan program pelancongan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 7.2 & M/surt 9	Puan Lee Jen Uyin	Peraturan Tambahan Krematorium	<p>Beliau mencadangkan supaya sebarang peraturan tambahan berkaitan Krematorium atau Tanah Perkuburan perlu dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil terlebih dahulu sebelum dibawa untuk mendapatkan pengesahan.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
3.	Para 7.4 & M/surat 14	Puan Lee Jen Uyin	Rancangan Ronda Dulu	Beliau mencadangkan supaya Jabatan mendapatkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Subang Jaya (Foodie) Helo Subang Jaya	<p>pandangan daripada Ahli Majlis berkenaan cadangan lokasi menarik yang terdapat dalam Zon MPP masing-masing untuk ditonjolkan.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
4.	Para 7.5 & M/surat 15	Puan Lee Jen Uyin	Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MPBJ Tahun 2026	<p>Beliau memohon supaya Jabatan memberikan taklimat berhubung pelaksanaan anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ tahun 2026 dan menjelaskan dengan terperinci berkaitan kriteria baharu yang diperkenalkan.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 19 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.6.3 & M/surat 16	Puan Suzannah Hanim Wong	Pembersihan Berkala dan Cadangan Taman Rekreasi Madani di DUN Seri Kembangan.	Beliau memaklumkan bahawa, lokasi pembersihan berkala adalah seperti yang telah disenaraikan, manakala hanya Taman Permainan Jalan SR 1/5 sahaja yang dicadangkan sebagai Taman Rekreasi Madani. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat
2.	-	Puan Suzannah Hanim Wong	Aduan mengenai aktiviti kitar semula yang beroperasi tanpa kawalan	Beliau memaklumkan terdapat perkara yang tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat terdahulu iaitu aduan mengenai aktiviti kitar semula yang beroperasi tanpa kawalan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Beliau menekankan bahawa isu ini perlu disemak dan tindakan sewajarnya diambil dengan segera bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk sekitar tidak terjejas. Premis berkenaan terletak di belakang Pangsapuri Mutiara Serdang dan Jalan SR5/3.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Jabatan Penguatkuasa</p>

7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 bertarikh 20 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & M/surat 3	Encik Thamilarasu a/ Sandayan	Cadangan Akses Keluar / Masuk bagi Membina Sebuah Kompleks Perindustrian Ringan (Industri Bertingkat) serentak bersama-sama tukar syarat di bawah Seksyen 123 (1)(A) & (C), Kanun Tanah Negara 1965, Seluas 14.038 Ekar, Di Atas Lot 101439, Bandar Bukit Puchong, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.	<p>Beliau memaklumkan bahawa laluan akses keluar masuk ke kompleks perindustrian tersebut terletak berhampiran laluan paip gas Gas Malaysia serta bersempadan dengan kawasan Sepang. Sehubungan itu, selaku Ahli Majlis kawasan, beliau memohon pandangan sama ada pihak Majlis dibenarkan untuk mengenakan syarat-syarat tambahan sebagai langkah pencegahan dan bagi memastikan keselamatan penduduk sekitar terus terpelihara.</p> <p>Selain itu, beliau turut memohon penjelasan sama ada Majlis mempunyai punca kuasa untuk mengeluarkan arahan pemberhentian kerja sekiranya berlaku sebarang keadaan yang tidak diingini</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>atau berpotensi menjejaskan keselamatan awam.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Jajaran laluan paip gas serta pembangunan yang dicadangkan adalah terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang manakala laluan akses masuk ke tapak pembangunan terletak di bawah kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2026 Bertarikh 23 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan penambahbaikan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1 & M/surat 2	Puan Lee Jen Uyin	Jadual kutipan sampah domestik masih bermasalah.	Beliau mencadangkan agar satu mesyuarat diadakan bersama pihak syarikat bagi membincangkan isu berkaitan jadual kutipan sampah domestik. Prestasi syarikat yang kurang memuaskan, khususnya kegagalan melaksanakan kutipan secara konsisten mengikut jadual yang ditetapkan, telah menjejaskan imej dan reputasi Majlis. Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

7.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2026 Bertarikh 23 Februari 2026

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Puan Lee Jen Uyin	Bayaran elaun pengurusan Ahli Majlis.	<p>Puan Lee Jen Uyin memohon supaya bayaran elaun pengurusan bagi Pembantu Ahli Majlis disemak semula kerana lantikan Ahli Majlis telah bermula pada 1 Januari 2026.</p> <p>Maklum balas mesyuarat: Pelaksanaan bayaran elaun pengurusan bagi Pembantu Ahli Majlis telah diselaraskan berkuat kuasa mulai tarikh lantikan, berdasarkan surat lantikan Pembantu Ahli Majlis yang dikemukakan oleh Ahli Majlis kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya satu semakan lanjut dilaksanakan berhubung perkara ini dengan Pihak</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain sebagai perbandingan dan rujukan. Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

8.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

8.1 Kertas Laporan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 telah dibentangkan oleh Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan mendengar pembentangan yang disampaikan, mesyuarat bersetuju menerima dan mengambil maklum keseluruhan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

Makluman

9.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin, Ahli Majlis MBSJ.

10.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 2 Mac 2026

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P.

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Mesyuarat
4. Encik Pravin a/l Murali - "
5. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Puan Ng Seow Chen - "
10. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
11. Puan Suzanah Hanim Wong - "
12. Encik Tey Boon Kiat - "
13. Encik Muhammad Khairil bin Khalid - "

- | | | | |
|-----|--------------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 15. | Puan Nursyaheera binti Abdul Ghafar | - | " |
| 16. | Encik Christopher Elvin Joseph | - | " |
| 17. | Encik Pang Hon Yuen | - | " |
| 18. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 20. | Encik Ahmad Umar Khair bin Zainuddin | - | " |
| 21. | Encik Zaihasri bin Jaafar | - | " |
| 22. | Puan Gunasunthari a/p Kaniappan | - | " |
| 23. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 24. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 25. | Encik Zulfadzlee Shah bin Shahrudin | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

26. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
27. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
28. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

29. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
30. Puan Sr. Aida binti Omar, A. M. S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
31. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
32. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
33. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CeLO.
Pengarah, Jabatan Pelesenan
34. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
35. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
36. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
39. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim
Pengarah, Jabatan Hasil
40. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
41. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

42. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
43. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Tuan Ts. Mohd Haizi bin Harun @ Mohamad Nor
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
45. Puan Norsafinas binti Ab. Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
46. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUS SETIA

47. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Muhammad Afif bin Abdullah
Ahli Majlis
2. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Tuan Ir. Dr. Hj Mohd Ariffuddin bin Kamari, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat